

Headline	Warga emas dakwa dijangkiti HIV ketika haemodialisis		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Oct 2011	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	24	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	171 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,526
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,578



Warga emas dakwa dijangkiti HIV ketika haemodialisis

IPOH: Seorang wanita warga emas ditimpa malang berganda berikutan dia bukan saja menderita penyakit kencing manis kritikal, malah mendakwa turut dijangkiti virus HIV ketika menjalani sesi pemindahan darah di sebuah hospital.

Warga emas berusia 56 tahun itu yang menghidap penyakit kencing manis sejak 17 tahun lalu mendakwa dijangkiti virus berbahaya itu ketika menjalani rawatan haemodialisis di Hospital Teluk Intan (HTI).

Buat masa ini, mangsa dirawat di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) selepas dipindahkan dari HTI sejak Selasa lalu bagi mendapatkan rawatan lanjut, selain satu siasatan rapi boleh dijalankan untuk memastikan punca sebenar kejadian itu.

Perkara berkenaan didedahkan Pengerusi Jawatan-

Buat masa ini, mangsa dirawat di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) selepas dipindahkan dari HTI sejak Selasa lalu bagi mendapatkan rawatan lanjut, selain satu siasatan rapi boleh dijalankan untuk memastikan punca sebenar kejadian itu.

kuasa Kesihatan, Kerajaan Tempatan, Hal Ehwal Pengguna, Alam Sekitar, Pengangkutan dan Hal Ehwal Bukan Islam Perak, Datuk Dr Mah Hang Soon yang berkesempatan melawat mangsa di HRPB petang kelmarin.

Berikutan simpati dengan kejadian menimpa mangsa,

Mah mengarahkan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) menjalankan siasatan terperinci berhubung dakwaan wanita berkenaan.

“Sepanjang menjalani rawatan di HTI, mangsa menerima sebanyak lapan pain darah ketika proses haemodialisis.

“Sehingga kini, kami sudah menjalankan analisis ke atas tujuh daripada lapan penderma darah terbabit dan mendapati keputusannya negatif,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya juga sedang mengesan seorang lagi penderma darah yang kini masih gagal ditemui untuk tujuan analisis.

Mah berkata, beliau berharap seorang lagi penderma darah itu dapat tampil segera supaya ujian darah boleh dijalankan dengan segera.

“Buat masa ini, mangsa berada dalam keadaan stabil.

Malah, kami turut menawarkan rawatan ‘continuous ambulatory peritoneal dialysis’ (CAPD) kepadanya, namun dia menolak dan mahu meneruskan rawatan haemodialisis seperti biasa.

“Saya juga sudah mengarahkan Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Ahmad Razin Ahmad Mahir segera menyiasat perkara itu dengan teliti,” katanya.

Pada masa sama, katanya, beliau juga akan meminta pendapat daripada pakar nefrologi (nephrology) dan pakar penyakit berjangkit untuk melihat lebih lanjut mengenai masalah dihadapi wanita itu.

“Kami juga akan meneruskan rawatan ke atas penyakit dihadapi mangsa selain memberi sokongan dan bantuan secukupnya kepadanya sehingga perkara ini menemui jalan penyelesaian,” katanya.